

Akademi seni lakon patut diadakan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



■ OTHMAN HAFSHAM

FILEM Melayu bertapak semula. Festival Filem Asia ke-26 di Denpasar, Bali, Indonesia memaparkan filem Melayu mampu menggondol empat hadiah.

Shasha terpilih seniwati pembantu terbaik dalam filem "Adik Manja" arahan Othman Hafsham. Filem Komedi yang bernilai pendidikan.

Perhatian kepada pelakon baru tidak patut dipandang sepi. Dunia perfileman kita kekurangan pelakon.

Bila bintang veteran mengundurkan diri atas sesuatu sebab yang tertentu, siapakah yang akan menggantikannya?

Kebangkitan filem Melayu beberapa tahun ini sangatlah menggalakkan. Ada kalanya produser filem tempatan menghadapi kerumitan membuat casting atau pilihan untuk membintangi sesuatu filem. Ini kerana kekurangan pelakon berpotensi.

Kebanyakan pelakon muka baru mendapat pengalaman dari drama TV.

Dari RTM sajalah sejumlah pelakon filem ini mengasah bakat untuk melangkah ke dunia perfileman.

Kita belum ada Akademi Seni Lakon, Syarikat filem tempatan menyadari pentingnya Akademi Seni Lakon diadakan di negara kita untuk meninggikan mutu filem Melayu akan datang.

Ura-ura produser Datuk Syed Kechik mengeluarkan biasiswa untuk menghantar bakat baru belajar ke luar negeri sangat membanggakan.

Kita juga mengalukan biasiswa kerajaan seperti yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Syarikat filem tempatan patut pula membantu mengeluarkan biasiswa seperti itu agar para artis kita mendapat bimbingan di luar negeri. Dengan biasiswa ini, masa depan filem Melayu mempunyai mutu tinggi, dan mendapat kejayaan yang lebih besar. ■

Oleh A. MALEK KASSIM



■ DR MAHATHIR

Ura2 produser beri biasiswa untuk belajar di luar negeri dialu2kan



■ SYED KECHIK



■ SHASHA